

# Pemuda-pemuda Perlukan Kursus-kursus Islam.

Untuk menghindarkan keruntuhan moral dan akhlak pemuda-pemuda Islam dari ancaman pengaruh-pengaruh liar yang kini menular ke bandar-bandar dan ke kampung-kampung, perlu satu pertahanan yang kukuh dan lengkap. Sebab taktik-taktik keruntuhan itu terbit dari berbagai-bagai cara. Di mana ada kelemahan dan penyelewengan yang tiada mempunyai batasan langsung serta tanpa persatuan jiwa dan anggota; lompong inilah akan ditembusi kuman-kuman keruntuhan akhlak pemuda-pemuda dan pemudi Islam.

Oleh: Shahrudin Dahari

## **Daya usaha yang positif:**

Satu daya usaha yang positif dan membina harus dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin Islam secara baru dan sesuai dengan situasi masyarakat Islam di tanah air. Pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi Islam harus diperlukan satu bimbingan yang baru dalam mempelajari pengajaran Islam secara mendalam. Kerana kita memahami tidak ada satu pengajaran yang boleh menjamin kehidupan seseorang itu di dunia dan di akhirat hanya pengajaran Islam. Walaubagaimanapun bijak saintis, dia tidak bisa mencipta satu kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Allah sahajalah Maha Pencipta kebahagiaan terhadap orang-orang yang beriman; tetapi bagi orang yang ingkar kesengsaraan sahajalah yang diterimanya.

Pengajaran Islam bukan sahaja dapat diberikan melalui kelas-kelas tertentu, tetapi boleh diberikan melalui kursus-kursus di masjid-masjid dan di surau-surau serta di dewan-dewan orang ramai. Kita tidak merasa cukup dengan kelas-kelas dewasa sahaja untuk mendalami pengajaran Islam dan kita tidak mengharapkan pengajaran-pengajaran Islam

di sekolah-sekolah menengah yang waktunya terbatas. Tetapi kita sokong pengajaran-pengajaran yang diberikan kepada pelajar-pelajar melalui sekolah-sekolah agama rakyat dan darjah-darjah khas agama dan peringkat yang tertinggi di maktab-maktab Islam. Walaupun begitu satu usaha baru harus diwujudkan.

## **Ceramah-ceramah agama perlu:**

Kita harus mengadakan ceramah-ceramah agama untuk pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi Islam. Ceramah-ceramah dan kursus yang menyedarkan jiwa mereka serta mengingatkan peranan Islam dan perkembangannya di masa ini. Orang bijak pandai dalam bidang ekonomi Islam harus memberikan ceramah-ceramah dan kursus kepada pemuda-pemuda Islam. Mendalami pengajaran-pengajaran Islam adalah menguntungkan kita.

Memanglah sangat-sangat diperlukan kepada pemuda Islam di masa menghadapi cabaran zaman muda ini dengan pengajaran Islam secara luas. Ini ialah untuk menghindarkan dari pengaruh-pengaruh Kristian. Usaha-usaha menanamkan semangat-semangat keislaman terhadap pemuda-pemuda Islam memanglah bagus dan harus digalakkan.

Sebarang badan persatuan Islam sama ada bercorak politik atau tidak adalah harus mempunyai kontak dengan pemuda-pemuda Islam. Mereka hendaklah membimbing ke arah pengertian Islam yang sebenar-benarnya. Mengikis fahaman sempit terhadap agama memang perlu, terutama bagi orang-orang yang memandang Islam itu dari satu aspek sahaja.

## **Dakwah secara psikologi:**

Memelihara hati dari tersinggung itu adalah baik harus digalakkan. Dan atas polisi inilah bagi seseorang yang ingin menjinakkan saudara-saudaranya yang seagama supaya meninggalkan penyelewengan. Umpamanya kita hendak menegah seseorang yang sudah terlalu liar akhlaknya di kalangan masyarakat kita menegah secara psikologi. Andainya secara berterus-terang dan menyinggung perasannya boleh jadi dia tidak setuju dan usaha kita sia-sia. Usaha secara kejiwaan akan memberi kesan yang positif jika secara tidak langsung kita memberikan pertunjuk ke arah kebenaran itu dengan tidak menyinggung peribadinya.

Orang-orang muda ini memang tidak mendakwah secara psikologi mereka boleh melakukan. Kita tidak harus

## Pemuda Perlukan Kursus..

hairan jika ada seorang yang bijak dalam pengajian Islam, dia tidak segan mencampuri usaha golongan muda, mungkin dalam perhatiannya di sini ada ketempangan yang seharusnya dibetulkan. Maka secara tersebut dapat dipimpin pemuda-pemuda liar ke arah keluhuran. Andainya kita menurunkan perasaan terus memusuhi pemuda-pemuda yang yang<sup>1</sup> menyeleweng dari batasan agama itu, tentu segala usaha kita tidak berjaya. Tugas seorang guru memanglah perlukan psikologi kanak-kanak, psikologi pemuda dan pemudi.

Menghukum dengan kata dengan keseluruhan terhadap sesuatu golongan itu adalah keterlaluan, tetapi kita mesti mengecualikan satu bahagian daripadanya dengan tidak melibatkan orang-orang yang ada di hadapan kita. Selalu kita lihat bila seseorang itu mengeluarkan kata-kata kasar terhadap temannya, maka satu bentrokan terdapat; adalah hasil dari kurang memahami jiwa temannya.

### Berkata baik atau diam:

Di dalam kursus yang kita cadangkan itu supaya terdapat kursus yang merupakan cara-cara kita bertutur yang baik dan secara orang-orang Islam bertutur. Dengan lain perkataan bertutur secara etiket yang tertentu. Tidaklah bercerita itu terhadap seseorang dengan menyakitkan hatinya. Kadangkala perbuatan yang menyakitkan hati seseorang, dikala berbual timbul, dengan tak dapat disabar-sabarkan kawan kita di sebelah

menyingsing tangan untuk menghentam kita itu tidak bagus dilakukan.

Cubalah kita perhatikan sebuah hadith Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* yang berbunyi:

*“Man kāna yu‘minu bi Allāh wa al-yawmi ākhir fal yaqul khayrā aw liyaṣmut”.*

Ertinya: “Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari kemudian, maka hendaklah ia berkata yang baik atau pun diam.”

Hadith di atas sudah jelas menerangkan betapa perlunya kita seorang Muslim mempunyai adab berkata-kata atau berbual. Kerana dengan cara tersebut segala dosa terhindar. Dan berita-berita yang betul dan muktamad tidak kita ketahui dengan tepat tidak seharusnya kita berdusta dengan mendatangkan berita-berita bohong. Maka itulah dikehendaki diam. Berkata benar itu memanglah baik walaupun perkara yang kita perkatakan itu sebenarnya.

### Tanggungjawab yang luas:

Usaha-usaha pengajaran Islam melalui kursus-kursusan itu dititik beratkan dengan cara-cara menangkis sebarang pencerobohan sama ada dari dalam atau dari luar terhadap agama Islam di tanah air. Memupuk persatuan yang kukuh terhadap umat-umat Islam di seluruh Malaysia dan dunia antara bangsa.

Kita juga harus merasa tanggungjawab terhadap orang-orang Islam di luar negeri yang tertindas.

Orang-orang Islam mesti memahami keadaan umat-umat Islam di luar. Tindakan harus kontak terhadap musuh-musuh yang merosakkan Islam.

Kursus-kursus pengajaran Islam yang kita cadangkan itu tidaklah menyeleweng dari Al-Qur’ān. Kerana kita berpandukan dengan firman Allah Ta’ālā:

*“Wa anzalnā ilayka al-kitāb bi al-ḥaqqi muṣaddiqā limā bayna yadayni mina al-kitāb wa muhayminā ‘alayhi fa aḥkum baynahum bimā anzala Allāhu wa lā tattabi‘ ahwā’ahum ‘ammā jā’aka mina al-ḥaqqi likulli ja’ahnā minkum shir‘ata wa minhāja wa law shā Allāhu laja’alaka ummata wāḥidata wa lakīn liyabluwakaum fī mā ‘ātākum fa astabiqū al-khayrāt, ilā Allāhi marjī’ukum jamī‘ā fayunabbi’ukum bimā kuntum fīhi takhtalifūn.* (Sūrah al-Mā’idah 48)

Ertinya: “Kami (Allah) telah menurunkan kitab suci (Al-Qur’ān) kepada engkau (Muḥammad) dengan sebenarnya lagi membenarkan kitab yang terdahulu daripadanya, serta memeliharanya, maka hendaklah engkau hukum antara mereka itu menurut peraturan yang diturunkan Allah, janganlah engkau ikut hawa nafsu mereka itu dengan berpaling dari kebenaran yang engkau terima dari Allah untuk tiap-tiap umat di antara kamu, Kami berikan aturan-aturan dan jalan yang terang. Sekiranya Allah menghendaki nescaya kamu dijadikannya satu umat (sahaja). Tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepada kamu, kerana itu berlumba-lumbalah berbuat kebajikan. Hanya kepada Allah tempat kamu kembali semuanya, lalu diberitahukan kepada kamu segala apa yang kamu telah perselisihkan itu.”

### Jangan bermusuhan-musuhan:

Kepada sekalian umat Islam di Malaysia. Saya berseru supaya memelihara segala-segala keutuhan umat-umat yang seagama dan setanah air. Jangan

<sup>1</sup> Pengulangan perkataan yang.

**Pemuda Perlukan Kursus..**

kita memusuhi satu sama lain.

Jangan ada niat untuk mendapatkan

pangkat dan kebesaran dunia dengan

secara kotor yang tidak diredai

oleh Islam. Gejala-gejala ini seandainya

dilakukan, maka Allah Yang Maha Adil akan

berserta dengan hamba-hamba-Nya yang jujur

dalam perjuangannya terhadap Islam.

Walaupun kita telah terbelenggu oleh

sebab kelemahan yang saja-saja tidak

kita sedari, maka janganlah ada

cita-cita dari puak yang anti Islam

memusuhi umat-umat Islam. Segala yang

ganggu gugat terhadap perkembangan

Islam di Malaysia akan terselamat jika

ada terdapat pemimpin-pemimpinnya yang berjiwa

Islam hidup berbakti kepada agama,

bangsa dan tanah airnya.

Ke arah keselamatan dan kesejahteraan

umat Islam di negara kita itulah yang

diharap-harap. Seandainya segala yang batil

itu digalakkan juga, maka kita

tunggulah pertolongan dari Allah untuk

membinasakannya. Dan pemuda-pemuda Islam

harus mendapat bimbingan melalui

kursus-kursus agama demi faedah mereka

dan generasi akan datang. Terselamatnya

pemuda hari ini dengan akhlakunya;

mudah-mudahan dengan berpandukan akhlak

yang tinggi mulia akan terselamatlah

hendaknya generasi akan datang.

**Kata-Kata Hikmah**

Mengaku puas dengan yang ada, adalah

penghambat kemajuan.

(Jaafar Ma'rof)

\* \* \*

Mempertahankan sesuatu hal memang

baik, tetapi untuk memajukannya ada

lebih baik lagi.

(Jiah)

\* \* \*

Melamun adalah satu pekerjaan

manusia yang membawa bencana kepada dirinya,

ia merupakan suatu impian

diwaktu jaga disamping impian

diwaktu tidur.

(Ong Yus)

Sudah Terbit!

Cetakan Baru!

**Sembahyang Rasulullah**

**(Oleh al-Ustaz Abu Bakar al-Asha'ari)**

Sebuah buku panduan mengerjakan ibadah sembahyang mengikut cara-cara sembahyang yang telah dilakukan oleh

Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* bersabda kepada hadith baginda yang berbunyi:

*Sallū kamā ra'aytumūnī usallī*. Ertinya "Sembahyanglah sebagaimana kamu lihat aku sembahyang".

Pesanlah kepada:

Qalam

Sebuah \$3.00

8247 Jalan 225

Belanja post 20 sen.

Petaling Jaya Selangor.